

PM terima kunjungan hormat Menteri Luar Turkiye

Kuala Lumpur: Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim, semalam menerima kunjungan hormat Menteri Luar Turkiye, Hakan Fidan, yang mengadakan lawatan rasmi dua hari ke Malaysia, bermula kelmarin.

Dalam pertemuan di Pulau Pinang itu, Anwar dan Fidan membincangkan soal kerjasama dua hala yang sudah lama terjalin antara kedua-dua negara.

“Kami juga dapat bertukar pandangan berkaitan pelbagai isu serantau dan antarabangsa yang menjadi kepentingan bersama, termasuk membabitkan umat Islam.

“Semoga hubungan Malaysia dan Turkiye akan terus berkem-

bang, sekali gus dapat memberi manfaat kepada rakyat,” kata Anwar menerusi hantaran di Facebook.

Turut hadir pada pertemuan itu, Menteri Luar, Datuk Seri Dr Zambry Abd Kadir.

Ini lawatan pertama beliau ke Malaysia, sejak dilantik sebagai Menteri Luar negara itu pada 3 Jun lalu.

Turkiye adalah rakan dagangan ketiga terbesar Malaysia, destinasi eksport terbesar dan destinasi import keenam terbesar dari rantau Asia Barat.

Pada 2022, jumlah dagangan Malaysia dengan Turkiye meningkat 12.6 peratus kepada RM20.25 bilion (AS\$4.62 bilion) daripada RM17 bilion (AS\$4.10 bilion) pada 2021. BERNAMA



Anwar menerima kunjungan hormat Hakan Fidan di Pulau Pinang, semalam. (Foto ihsan FB Anwar Ibrahim)